

# Kabinet bincang permasalahan

Oleh ZAINUL ĀZHAR ASHARI **UM 2 1 AUG 2001**

MELAKA 20 Ogos — Mesyuarat khas Kabinet mengenai permasalahan sosial di negara ini akan diadakan sebaik sahaja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pulang dari lawatan ke luar negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Kabinet yang dipengerusikannya baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, mesyuarat khas tersebut akan turut membincangkan laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial yang ditubuhkan baru-baru ini.

“Sebenarnya, kita mempunyai jawatankuasa berke-

naan (Gejala Sosial) yang dipengerusikan oleh saya manakala sekretariatnya ialah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat,” kata beliau dalam sidang akhbar selepas merasmikan bangunan tambahan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Bukit Beruang di sini hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika menjawab pertanyaan mengenai isu empat murid tahun dua melakukan seks oral di sebuah sekolah rendah di Taiping pada minggu lalu sebagaimana dilaporkan oleh akhbar hari ini.

Beliau berkata, jawatankuasa itu telah pun mengumpul laporan daripada beberapa kementerian berkaitan, minggu lepas, mengenai gejala buruk sosial yang melanda masyarakat dan cadangan mengenai langkah-langkah untuk menanganinya.

## sosial sebaik PM pulang

“Saya cadangkan mesyuarat khas itu biarlah Dr. Mahathir pengerusikan sendiri. Tentu sekali beliau hendak tahu apakah maklumat dan analisis maklumat yang akan diberikan mengenai gejala buruk yang berlaku dalam masyarakat,” katanya.

Dr. Mahathir kini menghadiri Dialog Antarabangsa Global 2001 (SAID/LID) selama empat hari di Kampala, Uganda.

Menurut Abdullah, mesyuarat khas itu akan diadakan secara berterusan bagi mencari jalan penyelesaian mengenai perkara tersebut.

Menyentuh mengenai kejadian yang berlaku di sebuah sekolah di Taiping itu, katanya beliau bukan sahaja terkejut malah merasa ‘menyampah’ mendengar berita mengenai ibu bapa menonton video lucah bersama anaknya.

“Ini ibu bapa yang tidak boleh dijadikan contoh, dia beri contoh tidak baik,” kata beliau.

Abdullah menjelaskan, beliau bukan sahaja hairan malah tidak faham bagaimana ibu bapa itu sendiri boleh terfikir untuk menonton video lucah bersama anaknya?

Timbalan Perdana Menteri itu berkata, peranan ibu bapa ialah mendidik anak-anak dengan nilai baik semasa mereka masih kecil.

Selain itu, kata beliau, peranan guru di sekolah menjadi bertambah penting bagi memberi pengetahuan dan didikan yang baik untuk menjadikan pelajar berbudi pekerti, baik kelakuannya serta maju dalam pelajaran.